

124

SOALAN NO. : 350

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA
KINABALU]**

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk pencegahan banjir di kawasan bandar dan kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir. Apakah projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan dan berapakah kos projek di kawasan berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah melaksanakan beberapa pendekatan dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat di kawasan perbandaran. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk bandar-bandar utama yang menghadapi masalah banjir kilat. PISMA adalah satu kajian untuk menyediakan pelan induk saliran dan garis panduan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di bandar-bandar di negara ini. Penyediaan PISMA juga adalah selaras dengan kehendak PBT dan KPKT. Sehingga kini, 17 PISMA telah disediakan dan didapati ianya telah banyak membantu menyelesaikan masalah banjir kilat.

Sebagai contoh, NRE melalui JPS telah melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Bandaraya Kota Kinabalu dan telah mengenalpasti parit-parit sedia ada yang perlu dinaik taraf dan membuat permohonan bagi kelulusan projek tebatan banjir yang baru berdasarkan cadangan dalam pelan induk ini. Susulan itu, projek Rancangan Tebatan Banjir Persekitaran Kawasan Lido, Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah dengan kos berjumlah RM76 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam *Rolling Plan Ke-2, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)*.

Sekian, terima kasih.